

# KEUTAMAAN, KEISTIMEWAAN DAN AMALAN BULAN REJAB DARI PERSPEKTIF ISLAM

Kamarul Azmi Jasmi

Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Jasmi, K.A (2016). Keutamaan, Keistimewaan dan Amalan Bulan Rejab dari Perspektif Islam dalam Sambutan 1 Rejab 1437H at Perkarangan Surau Ehsan, Jalan Perubatan on 8 April 2016 anjuran Jawatankuasa Surau Ehsan, Jalan Perubatan 81300 Johor Bahru, Johor.

## ABSTRACT

Bulan Rejab merupakan salah satu bulan yang memiliki keutamaan yang penting dalam Islam. Oleh itu, agama Islam menuntut umatnya untuk menghidupkan bulan ini dengan amalan ibadat yang khusus. Kertas kerja ini akan mengupas keutamaan bulan Rejab dan amalan yang wajar dilakukan dalam bulan ini. Kajian dilakukan dengan menganalisis bulan Rejab yang ada diberitakan melalui hadis yang pelbagai. Hasil dapatan menunjukkan bahawa bulan ini memiliki kelebihan sebagai Bulan Haram, Bulan Allah SWT, dan memiliki kelebihan khususnya pada sepuluh hari pertama daripada bulan ini. Amalan yang dianjurkan untuk dilakukan dalam bulan ini termasuklah menghidupkan malam 1 Rejab dengan ibadah, berdoa, berpuasa, umrah, dan menyembelih kambing untuk akikah dan memberi makan kepada orang ramai.

## REFERENCES

- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). Sunan Abi Dawud (Shu'aib al-Arnout & Muhammad Kamil Qurrah Balali Eds. Vol. 1-7). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ahmad, Hambal. (2001). Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Eds.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (1990). Fada'il al-Awqat ('Adnan 'Abd al-Rahman Majad Al-Qaysi Ed.). Makkah al-Mukarramah: Maktabah al-Manarah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2003). Sha'b al-Iman ('Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid Ed. Vol. 1-14). Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2009). Al-Da'awat al-Kabir ('Abd al-Mu'ti Amin Qal'aji Ed. Vol. 1-2). Al-Kuwait: Gurras li Naskhah al-Kamilah.
- Al-Bazzar, Ahmad. (2009). Musnad al-Bazzar (Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq Eds. Vol. 1-18). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Darimi, Abu Muhammad Abdullah. (2000). Sunan al-Darimi (Hussain Salim Asad Al-Darani Ed. Vol. 1-4). Al-Mamlakat al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Dar al-Mugni li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Hakim, Abu 'Abdullah Muhammad. (1990). Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn (Mustafa 'Abd al-Qadir Al-'Ata Ed. Vol. 1-4). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Muzanni, Muhammad Idris. (1986). Al-Sunan al-Ma'thurah li al-Shafi'i ('Abd al-Mu'ti Amin Qal'aji Ed.). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Nasa'i, Ahmad. (1986). Al-Mujtabi min al-Sunan ('Abd al-Fattah Abu Gadat Ed. Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i, Ahmad. (2001). Al-Sunan al-Kubra (Hasan 'Abd al-Man'am Shilbi Ed. Vol. 1-10). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. (1972). Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj (Vol. 1-18). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyyah.
- Al-Shajari, Yahya al-Murshid Billah. (2001). Tartib al-Amali al-Khamisiyyah li al-Shajari (Muhammad Hasan Muhammad Hasan Isma'il Ed. Vol. 1-2). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Shirazi, Abu Ishaq Ibrahim. (t.th.). Al-Mahadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Shafii. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Suyuti, Abdul Rahman. (t.th.). Misbah al-Zujajah. T. T. P.: Qadimay Kutub Khanah
- Al-Tabari, Muhammad. (2001). Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran ('Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy Ed. Vol. 1-24). Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1993). Al-Dua' li al-Tabrani. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1994). Al-Mu'jam al-Kabir (Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi Ed. Vol. 1-25). Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1995). Al-Mu'jam al-Ausat ('Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad Ed. Vol. 1-10). Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Ibn Al-Ja'd, 'Ali. (1990). Musnad Ibn al-Ja'd ('Amir Ahmad Haydar Ed.). Beirut: Mu'assasah Nadir.
- Ibn Hajar, Ahmad Muhammad. (1983). Tuhfat al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj (Lujnah min 'Ulama' Ed.). Misr: Al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.

- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). Sunan Ibn Majah (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali & 'Abd al-Latif Hirzullah Eds. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Azmi Kamarul, & Tamuri, Halim Ab. (2011). Dasar Akidah Muslim. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2007). Pembaharuan dalam Dunia Islam. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Jasmi, Mohd Aris. (2016). Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Muhammad, Azhar, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2004). Asas Kebahagiaan Rumahtangga Mengikut Paradigma al-Nawawi. Paper presented at the Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004, Main Hall, University of Malaya Centre for Family Development (UMCFD) Faculty of Education, Universiti Malaya. [http://eprints.utm.my/20790/1/JasmiKA2004\\_AsasKebahagiaanRumahtanggaMengikutParadigmaal-Nawawi.pdf](http://eprints.utm.my/20790/1/JasmiKA2004_AsasKebahagiaanRumahtanggaMengikutParadigmaal-Nawawi.pdf)
- Jasmi, Kamarul Azmi, Muhammad, Azhar, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2006). Asas Kebahagiaan Rumahtangga Mengikut Paradigma al-Nawawi. In Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin & Jamaludin Tubah (Eds.), Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru (pp. 180-196). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Suratman, Azmi Shah, & Nor Muhamad, Nasrul Hisyam. (2007, 2-3 Februari 2007). Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif al-Imam al-Nawawi. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3, Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan. (2005). Kamus Dewan (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar. (Ed.) (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). Sahih Muslim (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Zakariyya Al-Ansari, Muhammad. (t.th.). Asna al-Matalib fi Sharh Raudh al-Talib (Muhammad Muhammad Tamir Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

# KEUTAMAAN, KEISTIMEWAAN DAN AMALAN BULAN REJAB DARI PERSPEKTIF ISLAM\*

Kamarul Azmi Jasmi  
Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia  
qamar@utm.my

## Abstrak

*Bulan Rejab merupakan salah satu bulan yang memiliki keutamaan yang penting dalam Islam. Oleh itu, agama Islam menuntut umatnya untuk menghidupkan bulan ini dengan amalan ibadat yang khusus. Kertas kerja ini akan mengupas keutamaan bulan Rejab dan amalan yang wajar dilakukan dalam bulan ini. Kajian dilakukan dengan menganalisis bulan Rejab yang ada diberitakan melalui hadis yang pelbagai. Hasil dapatan menunjukkan bahawa bulan ini memiliki kelebihan sebagai Bulan Haram, Bulan Allah SWT, dan memiliki kelebihan khususnya pada sepuluh hari pertama daripada bulan ini. Amalan yang dianjurkan untuk dilakukan dalam bulan ini termasuklah menghidupkan malam 1 Rejab dengan ibadah, berdoa, berpuasa, umrah, dan menyembelih kambing untuk akikah dan memberi makan kepada orang ramai.*

*Kata Kunci: Bulan Rejab, keutamaan Rejab, amalan pada bulan Rejab*

## PENGENALAN

Bulan Rejab merupakan bulan yang ketujuh dalam tahun Hijrah (*Kamus Pelajar*, 2008). Bulan ini juga dipanggil sebagai bulan Mikraj (*Kamus Dewan*, 2005) kerana pada bulan ini terdapat peristiwa Israk dan Mikraj. Bulan Rejab antara bulan yang dimuliakan oleh Islam dengan amalan sebagai persediaan untuk menyambut kedatangan bulan Ramadan (Jasmi, K. A. & Jasmi, 2016). Persediaan dalam menyambut bulan Ramadan dengan meningkatkan amalan pada bulan Rejab adalah amat membantu kepada pembentukan takwa seseorang Mukmin (Jasmi, K. A., 2002).

## KEUTAMAAN BULAN REJAB

Bulan Rejab dalam Islam mempunyai keistimewaan sebagai Bulan Haram, Bulan Allah SWT, keistimewaan bulan Rejab pada hari dan malam pertama dalam bulan Rejab, hari dan malam ke sepuluh daripada bulan tersebut, dan tiga hari dan malam terakhir daripada bulan Rejab.

### Rejab Sebahagian daripada Bulan Haram

Salah satu daripada keistimewaan bulan Rejab ialah bulan ini merupakan salah satu daripada Bulan Haram dalam Islam. Bulan Haram bermaksud bulan Zulkaedah, Zulhijah, Muharram, dan Rejab (Al-Nawawi, 1972: 1/182). Bulan ini dihormati dalam agama Nabi Ibrahim AS dan orang Arab amat memuliakan bulan ini dengan tidak dibenarkan untuk berperang dalam bulan ini. Hal ini sebagaimana hadis yang dijelaskan oleh Nabi seperti berikut (Al-Bukhari, 2001):

---

\* Kertas kerja dibentangkan di perkarangan Surau Ehsan Jalan Perubatan sempena Sambutan 1 Rejab 1437H bersamaan dengan 8 April 2016 anjuran Jawatankuasa Surau Ehsan.

عَنْ أَبِي بَكْرَةَ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ صلى الله عليه وسلم قَالَ: «الزَّمانُ قَدْ اسْتَدَارَ كَهَيْئَتِهِ يَوْمَ خَلَقَ اللهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ، السَّنَةُ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا، مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ، ثَلَاثَةٌ مُتَوَالِيَاتٌ: ذُو الْقَعْدَةِ وَذُو الْحِجَّةِ وَالْمُحَرَّمِ، وَرَجَبُ مُضَرَ، الَّذِي بَيْنَ جُمَادَى وَشَعْبَانَ.»

*Maksud: Abu Bakrah berkata bahawa Nabi SAW bersabda: "Zaman (masa) terus berjalan dari sejak awal penciptaan langit dan bumi. Satu tahun ada dua belas bulan antaranya ada empat bulan haram (suci), tiga bulan berurutan, iaitu Zulkaedah, Zulhijah dan Muharam serta Rejab yang berada antara Jamadilakhir dan Syaaban."*

(Al-Bukhari)

Masyarakat Arab sangat memuliakan bulan haram sekalipun dalam kehidupan mereka dipenuhi dengan kebodohan dalam penyembahan berhala. Hal ini sebagaimana yang diceritakan oleh Abu Raja' yang menceritakan tentang keadaan penyembah berhala pada era sebelum Islam yang diberitakan oleh beliau setelah beliau Islam sebagaimana yang disebutkan dalam satu athar (Al-Bukhari, 2001: 4376):

عَنْ أَبِي رَجَاءِ الْعَطَارِدِيِّ رضي الله عنه، قَالَ: «كُنَّا نَعْبُدُ الْحَجَرَ، فَإِذَا وَجَدْنَا حَجْرًا هُوَ أَحْيَرُ مِنْهُ أَلْقَيْنَاهُ، وَأَخَذْنَا الْآخَرَ، فَإِذَا لَمْ نَجِدْ حَجْرًا جَمَعْنَا جُثُوءَ مِنْ تُرَابٍ، ثُمَّ جِئْنَا بِالشَّاةِ فَحَلَبْنَاهُ عَلَيْهِ، ثُمَّ طَفْنَا بِهِ، فَإِذَا دَخَلَ شَهْرُ رَجَبٍ قُلْنَا: مُنْصَلِّ الْأَسِنَّةَ، فَلَا نَدْعُ رُحْمًا فِيهِ حَدِيدَةٌ، وَلَا سَهْمًا فِيهِ حَدِيدَةٌ، إِلَّا نَزَعْنَاهُ وَأَلْقَيْنَاهُ شَهْرَ رَجَبٍ.»

*Maksud: Abu Raja' al-Utaridi RA katanya: "Dulu kami menyembah batu. Apabila kami mendapatkan batu yang lebih baik, maka kami melemparkannya dan mengambil yang lain. Dan apabila kami tidak menemukan batu, kami mengumpulkan segenggam tanah, lalu kami bawakan seekor kambing kemudian kami perah susu untuknya. Balu kami tawaf dengannya. Apabila datang bulan Rejab, kami mengatakan: "Tidak ada peperangan, maka kami tidak membiarkan tombak mahu pun panah yang tajam kecuali kami cabut dan kami lemparkan sebagai pengagungan terhadap bulan Rejab."*

(Al-Bukhari)

Berdasarkan athar ini menunjukkan bahawa masyarakat Arab amat memuliakan bulan Haram dan melarang sama sekali daripada berperang dalam bulan tersebut. Tat kala Islam datang, Islam masih lagi memuliakan bulan haram dengan pemberian pahala yang besar bagi orang yang menghidupkan bulan ini dengan amalan ibadat, tetapi Islam memansuhkan peperangan dalam bulan ini (al-Suyuti, t.th.: 1/125) melalui firman Allah SWT ini:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ قُلْ قِتَالٌ فِيهِ كَبِيرٌ وَصَدٌّ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَكُفْرٌ بِهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِ مِنْهُ أَكْبَرُ عِنْدَ اللَّهِ

Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) berperang dalam bulan yang dihormati; katakanlah: "Peperangan dalam bulan itu adalah berdosa besar, tetapi perbuatan menghalangi (orang-orang Islam) dari jalan Allah dan perbuatan kufur kepadaNya, dan juga perbuatan menyekat (orang-orang Islam) ke Masjid Al-Haraam (di Makkah), serta mengusir penduduknya dari situ, (semuanya itu) adalah lebih besar lagi dosanya di sisi Allah.

(Surah al-Baqarah, 2:217)

Selain ayat ini, ayat lain juga menegaskan tentang pemansuhan bulan haram sebagai untuk berperang melalui firman Allah SWT berikut:

فَإِذَا انسَلَخَ الْأَشْهُرُ الْحُرْمُ فَاقْتُلُوا الْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدْتُمُوهُمْ وَخُذُوهُمْ وَأَحْصُرُوهُمْ  
وَاقْعُدُوا لَهُمْ كُلَّ مَرْصِدٍ ۚ فَإِن تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ فَخَلُّوا سَبِيلَهُمْ ۚ إِنَّ  
اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٥﴾

Maksud: Apabila masa perlindungan selama empat bulan itu telah habis, maka perangilah orang-orang musyrik yang melanggar perjanjian di mana pun berada. Tangkaplah mereka dengan kekerasan. Kepunglah mereka dari segala penjuru. Intailah mereka di semua tempat. Apabila mereka telah bertobat dari kekufuran dan berpegang teguh kepada hukum-hukum Islam dengan mengerjakan salat dan menunaikan zakat, berikanlah kebebasan kepada mereka, kerana mereka telah masuk dalam agama Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun atas orang yang bertobat, dan Maha Penyayang pada hamba-hamba-Nya.

(Surah al-Tawbah, 9:5)

Ayat ini menurut Imam Al-Tabari (2001: 3/567) memansuhkan ayat dan hukum yang tidak membenarkan berperang pada bulan dan tanah haram melainkan jika diperangi dahulu. Perintah ayat ini agar Nabi SAW dan umatnya memerangi golongan musyrik ini sama ada di tanah halal, tanah haram, atau di Mekah sehinggalah mereka mengakui tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah SWT dan Nabi Muhammad merupakan pesuruh Allah.

### **Rejab Diiktiraf sebagai Bulan Allah SWT**

Terdapat hadis yang menunjukkan bahawa Rejab dianggap bulan Allah SWT sepertimana hadis berikut (Al-Bayhaqi, 2003: 3523):

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّ رَجَبَ شَهْرُ اللَّهِ.»

Maksud: 'A'ishah RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya Rejab merupakan bulan Allah SWT.

(Al-Bayhaqi)

Hadis ini dijelaskan dan diperkukuhkan lagi dengan hadis yang lain daripada perawi yang lain (Al-Bayhaqi, 2003: 3532):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «خَيْرَةُ اللَّهِ مِنَ الشُّهُورِ شَهْرُ رَجَبٍ وَهُوَ شَهْرُ اللَّهِ، مَنْ عَظَّمَ شَهْرَ اللَّهِ رَجَبٍ فَقَدْ عَظَّمَ أَمْرَ اللَّهِ، وَمَنْ عَظَّمَ أَمْرَ اللَّهِ أَدْخَلَهُ جَنَّاتِ التَّعِيمِ، وَأَوْجَبَ لَهُ رِضْوَانَهُ الْأَكْبَرَ، وَشَعْبَانَ شَهْرِي فَمَنْ عَظَّمَ شَهْرَ شَعْبَانَ فَقَدْ عَظَّمَ أَمْرِي، وَمَنْ عَظَّمَ أَمْرِي كُنْتُ لَهُ فَرْطًا وَذُخْرًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَشَهْرُ رَمَضَانَ شَهْرُ أُمَّتِي فَمَنْ عَظَّمَ شَهْرَ رَمَضَانَ، وَعَظَّمَ حُرْمَتَهُ وَلَمْ يَنْتَهِكْهُ، وَصَامَ نَهَارَهُ، وَقَامَ لَيْلَهُ، وَحَفِظَ جَوَارِحَهُ خَرَجَ مِنْ رَمَضَانَ وَلَيْسَ عَلَيْهِ ذَنْبٌ يَطْلُبُهُ اللَّهُ بِهِ.»

*Maksud: Anas bin Malik berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Pilihan Allah daripada bulan-bulan ialah bulan Rejab. Bulan ini bulan Allah SWT. Oleh itu, sesiapa yang membesarkan bulan Allah SWT Rejab ini maka dia dianggap telah membesarkan perintah Allah SWT. Sesiapa yang membesarkan perintah Allah SWT, maka dia dimasukkan ke dalam syurga Na'im, Dia juga mewajibkan keredaannya yang Maha Besar. Sedangkan Syaaban pula ialah bulanku. Oleh itu sesiapa yang membesarkan bulan Syaaban, maka sesungguhnya dia membesarkan urusanku. Sesiapa yang membesarkan urusanku, maka aku menjadi ganjaran untuknya pada hari kiamat. Sedangkan bulan Ramadan merupakan bulan umatku. Oleh itu, sesiapa yang membesarkan bulan Ramadan, maka kehormatannya menjadi tinggi dan dia tidak akan hilang kehormatannya. Dia yang berpuasa pada siangnyanya dan bangun pada malamnyanya dan menjaga anggota badannya ketika bulan Ramadan, maka tidak ada lagi dosa yang Allah akan menuntutnya.*

(Al-Bayhaqi)

Kedua-dua hadis ini menunjukkan kedudukan bulan Rejab sebagai bulan Allah SWT yang sewajarnya dihidupkan dengan mempertingkatkan amalannya kebajikan dalamnya bagi menunjukkan seseorang Muslim itu membesar dan mengagungkan bulan-Nya.

### **Keistimewaan Rejab dari Segi Sejarah Nabi-nabi**

Sejarah kisah nabi-nabi membuktikan bahawa bulan Rejab merupakan bulan istimewa dalam sejarah mereka. Allah SWT memilih bulan Rejab untuk mengukir sejarah penting bulan Rejab. Hal ini terbukti melalui hadis ini (Al-Tabrani, 1994: 5538):

عَنْ عُثْمَانَ: وَكَانَتْ لِأَبِيهِ صُحْبَةً - قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: « وَفِي رَجَبٍ حَمَلَ اللَّهُ نُوحًا فِي السَّفِينَةِ فَصَامَ رَجَبًا، وَأَمَرَ مَنْ مَعَهُ أَنْ يَصُومُوا، فَجَرَتْ بِهِمُ السَّفِينَةُ سِتَّةَ أَشْهُرٍ، آخِرُ ذَلِكَ يَوْمُ عَاشُورَاءَ أَهْبِطَ عَلَى الْجُودِيِّ فَصَامَ نُوحٌ وَمَنْ مَعَهُ وَالْوَحْشُ شُكْرًا لِلَّهِ عَزَّجَلَّ، وَفِي يَوْمِ عَاشُورَاءَ أَفْلَقَ اللَّهُ الْبَحْرَ لِبَنِي إِسْرَائِيلَ، وَفِي يَوْمِ عَاشُورَاءَ تَابَ اللَّهُ عَزَّجَلَّ عَلَى آدَمَ ﷺ وَعَلَى مَدِينَةِ يُودُسَ، وَفِيهِ وُلِدَ إِبْرَاهِيمُ ﷺ.»

*Maksud: Pada bulan Rejab Nabi Nuh menaiki bahtera seterusnya dia berpuasa Rejab. Dia juga memerintahkan sesiapa yang bersamanya untuk berpuasa. Berlayarlah bahtera Baginda selama enam bulan. Berakhir pelayarannya pada hari Asyura. Didamparkan kapalnya di bukit Judiyy, lalu Nuh dan yang bersama dengannya berpuasa sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT. Pada hari Asyura juga memecahkan laut untuk Bani Israel melintasinya. Pada hari Asyura juga Allah SWT menerima taubat Nabi Adam AS dan penduduk bandar bagi Nabi Yunus. Pada hari Asyura juga dilahirkan Ibrahim AS.*

(Al-Tabrani)

Hadis ini membuktikan bahawa dalam bulan Rejab begitu banyak peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah nabi-nabi yang sengaja dipilih oleh Allah SWT bagi membuktikan keagungan daripada bulan ini.

### **Keistimewaan Malam Satu Rejab dan Siangnya**

Malam satu Rejab merupakan malam yang penting untuk dihidupkan. Pada malam ini ganjaran yang diberikan adalah sangat besar. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan daripada athar berikut (Al-Shajari, 2001: 1784):

عَنْ عَطَاءِ الْخُرَّاسَانِيِّ، قَالَ: «خَمْسُ لَيَالٍ مَنْ أَقَامَهُنَّ: أَوَّلُ لَيْلَةٍ مِنْ رَجَبٍ يَقُومُهَا، وَيُصْبِحُ صَائِمًا، وَلَيْلَةُ التَّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ يَقُومُهَا يُصْبِحُ صَائِمًا، وَلَيْلَةُ الْفِطْرِ يَقُومُهَا وَيُصْبِحُ مُفْطِرًا، وَلَيْلَةُ الْأَضْحَى يَقُومُهَا، وَيُصْبِحُ مُفْطِرًا، وَلَيْلَةُ عَاشُورَاءَ يَقُومُهَا، وَيُصْبِحُ صَائِمًا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ أَجْرَ شَهِيدٍ فِي حَيَاتِهِ، وَبَعْدَ مَمَاتِهِ.»

*Maksud: 'Ata' al-Khurasani berkata: "Lima malam yang sesiapa yang menghidupkannya akan diganjarakan oleh Allah SWT dengan pahala mati syahid ketika hidupnya dan selepas kematiannya, iaitu: Malam pertama daripada Rejab dengan bangun qiamullail pada malamnya dan siangnya dengan puasa; malam nisfu Syaaban dengan qiamullail pada malamnya dan siangnya dengan puasa; malam Hari Raya Aidilfitri dengan bangun qiamullail pada malamnya namun siangnya berbuka; malam Hari Raya Aidiladha dengan bangun qiamullail pada malamnya namun siangnya berbuka; akhir sekali malam Asyura dengan bangun malam pada malamnya dan siangnya berpuasa.*

(Al-Shajari)

Bangun qiamullail malam dalam hadis ini bermaksud menghidupkan malam tersebut dengan amal ibadat seperti solat tahajud, membaca al-Quran, berzikir, dan beristighfar. Berdasarkan hadis ini juga bahawa malam pertama Rejab wajar dihidupkan kemudian pada siangnya pula dengan amalan puasa satu Rejab. Sekiranya amalan ini dilakukan, insya-Allah ganjaran dengan mati syahid dijanjikan boleh diperoleh.

### **Keistimewaan Malam Kesepuluh Rejab dan Siangnya**

Keutamaan hari kesepuluh daripada bulan Rejab merupakan hari keampunan bagi yang memohon keampunan sebagaimana hadis berikut (Al-Bayhaqi, 2003: 3466):

عَنْ قَيْسِ بْنِ عَبَّادٍ، أَنَّهُ ذَكَرَ أَشْهَرَ الْحُرْمِ، فَقَالَ: «لَيْسَ مِنْهَا إِلَّا فِي الْعَاشِرِ مِنْهُ خَيْرٌ، قَالَ: فَذَكَرَ فِي ذِي الْحِجَّةِ فِي الْعَاشِرِ النَّحْرَ وَهُوَ يَوْمُ الْحَجِّ الْأَكْبَرِ، وَفِي الْمُحَرَّمِ الْعَاشِرُ يَوْمٌ عَاشُورَاءَ، وَفِي الْعَاشِرِ مِنْ رَجَبٍ يَمْحُو اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثَبِّتُ، قَالَ: وَنَسِيْتُ مَا قَالَ فِي ذِي الْقَعْدَةِ.»

*Maksud: Qays bin 'Abbad bahawa sesungguhnya di menyebut tentang bulan haram lalu berkata: "Bulan haram pada hari yang kesepuluh itu terdapat kebaikan. Beliau berkata: "Lalu beliau menceritakan bahawa pada bulan Zulhijah yang kesepuluh merupakan hari nahar, iaitu hari haji akbar. Sedangkan bulan Muharram yang kesepuluh pula hari Asyura. Sedangkan hari kesepuluh daripada Rejab, Allah SWT memadamkan apa yang dikehendaki (daripada dosa) atau membiarkannya. Perawi (Mu'tamir bin Sulayman) berkata: "Aku lupa apa yang beliau katakan tentang bulan Zulkaedah."*

(Al-Bayhaqi)

Berdasarkan hadis, setiap hari yang kesepuluh daripada bulan haram, Allah SWT memberikan pelbagai keutamaan dan hari penting. Khusus bagi bulan Rejab dengan menjadikan hari yang kesepuluh merupakan hari yang terbaik untuk umat Islam memohon keampunan agar diampunkan oleh Allah SWT.

### **Keistimewaan Tiga hari Terakhir Bulan Rejab**

Salah satu keistimewaan bulan Rejab ialah anugerah Allah SWT kepada hambanya sehari semalam pada mana-mana hari pada tiga hari terakhir daripada bulan Rejab dengan ganjaran yang sangat besar. Hal ini sebagaimana yang disebutkan dalam sebuah hadis (Al-Bayhaqi, 2003: 3530):

عَنْ سَلْمَانَ الْفَارِسِيِّ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «فِي رَجَبٍ يَوْمٌ وَلَيْلَةٌ مِنْ صَامٍ ذَلِكَ الْيَوْمَ، وَقَامَ تِلْكَ اللَّيْلَةَ كَانَ كَمَنْ صَامَ مِنَ الدَّهْرِ مِائَةَ سَنَةٍ، وَقَامَ مِائَةَ سَنَةٍ وَهُوَ ثَلَاثٌ بَقِيْنَ مِنْ رَجَبٍ، وَفِيهِ بَعَثَ اللَّهُ مُحَمَّدًا.»

*Maksud: Salman al-Farisi berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Bulan Rejab dalamnya terdapat sehari semalam bagi orang berpuasa dan qiamullail malam tersebut yang ganjaran hari tersebut seperti seseorang berpuasa seumur hidup 100 tahun dan bangun qiamullail 100 tahun, iaitu tiga hari terakhir daripada bulan Rejab. Pada masa ini Allah SWT mengutuskan Nabi Muhammad."*

(Al-Bayhaqi)

Hadis lain pula menegaskan lagi ganjaran yang diberikan oleh Allah SWT terhadap tiga hari tersebut dengan amalan yang dituntut untuk dilakukan pada malam harinya, iaitu amalan solat tahajud 12 rakaat, berzikir, beristighfar, berselawat, dan berdoa. Manakala pada siang harinya pula dia berpuasa. Hadis tersebut seperti berikut (Al-Bayhaqi, 2003: 3531):



عَنْ أَنَسٍ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ، أَنَّهُ قَالَ: «فِي رَجَبٍ لَيْلَةٌ يُكْتَبُ لِلْعَامِلِ فِيهَا حَسَنَاتٌ مِائَةَ سَنَةٍ، وَذَلِكَ لِثَلَاثِ بَقِيْنَ مِنْ رَجَبٍ، فَمَنْ صَلَّى فِيهَا اثْنَتَيْ عَشْرَةَ رُكْعَةً يَقْرَأُ فِي كُلِّ رُكْعَةٍ فَاتِحَةَ الْكِتَابِ وَسُورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ يَتَشَهَّدُ فِي كُلِّ رُكْعَتَيْنِ، وَيُسَلِّمُ فِي آخِرِهِنَّ، ثُمَّ يَقُولُ: «سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ مِائَةَ مَرَّةٍ، وَيَسْتَغْفِرُ اللَّهُ مِائَةَ مَرَّةٍ، وَيُصَلِّيَ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ مِائَةَ مَرَّةٍ، وَيَدْعُو لِنَفْسِهِ مَا شَاءَ مِنْ أَمْرِ دُنْيَاهُ وَآخِرَتِهِ، وَيُصْبِحُ صَائِمًا فَإِنَّ اللَّهَ يَسْتَجِيبُ دُعَاءَهُ كُلَّهُ إِلَّا أَنْ يَدْعُو فِي مَعْصِيَةٍ.»

*Maksud: Anas menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda: "Pada Rejab terdapat satu malam yang dituliskan kepada orang yang beramal padanya dengan mendapat ganjaran kebaikan seperti 100 tahun. Itulah dia tiga hari yang terakhir daripada bulan Rejab. Sesiapa yang bersolat pada malam tersebut 12 rakaat dengan membaca setiap rakaat pembuka kitab al-Quran (Surah al-Fatihah) dan satu surah daripada al-Quran dan dia bertasyahud bagi setiap dua rakaat dan diakhiri dengan salam kemudian dia mengucapkan seratus kali:*

سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ

*Kemudian dia beristighfar 100 kali dan berselawat ke atas Nabi SAW seratus kali, kemudian dia berdoa untuk dirinya apa sahaja tentang urusan dunia dan akhirat. Kemudian pada keesokannya harinya dia berpuasa, maka sesungguhnya Allah SWT akan mengabulkan semua doanya kecuali doa yang dipohon untuk maksiat."*

(Al-Bayhaqi)

Berdasarkan hadis ini 12 rakaat solat yang digalakkan untuk dilakukan ialah dengan dua rakaat satu salam. Oleh itu, terdapat enam kali salam. Selepas solat digalakkan pulan untuk berzikir dengan tasbih empat kalimah, beristighfar, dan berselawat, serta diakhiri pula dengan apa sahaja doa. Pada keesokan hari pula dia melakukan amalan puasa. Jika ini dilakukan, maka doa yang dilakukan pada malam harinya dijamin untuk dikabulkan oleh Allah SWT melainkan doa yang berbentuk maksiat.

## AMALAN BULAN REJAB

Berdasarkan perbincangan sebahagian hadis dalam bahagian keutamaan bulan Rejab, sudah dinyatakan beberapa amalan yang dituntut untuk dilakukan pada bulan Rejab ini. Bahagian ini pula akan mengupas amalan yang dituntut untuk dilakukan dalam bulan ini dengan berdasarkan dalil yang telah dikemukakan dalam bahagian yang lalu dan disokong pula dengan hadis yang lain. Ringkasnya, terdapat beberapa amalan sunat yang dituntut untuk diperbanyakkan pada bulan Rejab ini, iaitu menghidupkan Rejab dengan qiamullail seperti solat, membaca al-Quran, berzikir, beristighfar, berselawat ke atas Nabi SAW, dan berdoa. Manaka siang hari bulan Rejab pula untuk berpuasa, dan membuat kenduri dengan menyembelih binatang untuk tujuan memberi makan kepada orang ramai. Pada asasnya semua amalan ini wajar dihidupkan pada semua hari dan malam di bulan Rejab khususnya pada hari pertama, hari kesepuluh, dan tiga hari terakhir daripada bulan Rejab dan malamnya.

## Qiamullail

Solat pada malam Rejab digalakkan untuk mengkhusus malam pertama, malam kesepuluh dan tiga malam terakhir daripada bulan ini. Sekiranya mampu, semua amalan qiamullail ini dihidupkan sepanjang bulan Rejab. Galakan beribadat pada malam satu Rejab sepertimana hadis Al-Shajari (2001: 1784) yang lalu, iaitu pemberian ganjaran mati syahid untuk orang yang menghidupkannya dan berpuasa pada siang harinya. Namun hadis ini tidak mengkhususkan jumlah rakaat solat yang dikehendaki untuk dihidupkan pada malam pertama dan malam kesepuluh pada bulan Rejab ini. Sedangkan amalan solat sunat untuk tiga malam terakhir pula dikhususkan dengan 12 rakaat sebagaimana yang diberitakan pada hadis yang dibincangkan sebelum ini (Al-Bayhaqi, 2003: 3531).

Oleh itu, solat malam yang lain dalam bulan Rejab boleh dilakukan dengan solat malam biasa yang diajar dan diamalkan oleh Rasulullah SWT sama ada dua rakaat, empat rakaat, enam rakaat, atau lapan rakaat yang ditutup dengan solat witir tiga rakaat (Jasmi, K. A. & Jasmi, 2016). Sedangkan dalam tiga hari yang terakhir bulan Rejab ditambah dengan 12 rakaat solat tahajud dan ditutup dengan tiga rakaat solat witir sebagaimana anjuran hadis (Al-Bayhaqi, 2003: 3531).

## Zikir

Selain menghidupkan malam dengan solat, amalan lain yang dituntut untuk dilakukan pada malam Rejab khususnya pada tiga malam terakhir daripada bulan Rejab ialah amalan zikir. Amalan zikir ada bermacam-macam. Namun zikir yang dituntut dalam hadis Rejab (Al-Bayhaqi, 2003: 3531) ialah berzikir dengan empat kalimah, istighfar, dan selawat.

### *Zikir Empat Kalimah*

Zikir empat kalimah bermaksud kalimah tasbih, tahmid, tahlil, dan takbir seperti yang disebutkan dalam hadis (Al-Bayhaqi, 2003: 3531) ialah:

سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ

*Erti: Maha Suci Allah, Segala pujian bagi Allah SWT, tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah, dan Allah Maha Besar.*

Zikir ini dianjurkan untuk diucapkan sebanyak 100 kali setelah melaksanakan solat malam sebagai salah satu amalan untuk menghidupkan malam bulan Rejab.

## Istighfar

istighfar boleh dilakukan daripada cara yang paling mudah hingga yang paling sempurna seperti Jadual 1.

Jadual 1 Cara Istighfar kepada Allah SWT

Bil.	Cara Istighfar	Pengertian dan Rujukan
(1)	أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ	Aku memohon keampunan kepada Allah SWT. (Muslim, t.th.: 591)
(2)	أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ	Aku memohon keampunan kepada Allah SWT dan aku bertaubat kepadanya. (Abu Dawud, 2009: 4380; Ibn Majah, 2009: 2597; Ahmad, 2001: 22508; Al-Darimi, 2000: 2349)
(3)	أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ، وَأَتُوبُ إِلَيْهِ	Aku memohon keampunan kepada Allah SWT yang Maha Agung, tiada tuhan yang layak disembah yang Maha Hidup dan Maha Kekal dan aku bertaubat kepadanya. (Al-Hakim, 1990)

Pada malam kesepuluh daripada Rejab, istighfar dituntut untuk diperbanyakkan kerana terdapat hadis yang menunjukkan malam ini merupakan malam yang Allah SWT akan ampunkan segala dosa para hamba sepertimana hadis yang disebutkan oleh Al-Bayhaqi (2003: 3466) dalam hadis yang lalu. Begitu juga pada tiga hari terakhir pada bulan Rejab, istighfar dianjurkan untuk diucapkan sebanyak 100 kali.

### **Berselawat**

Berselawat kepada Rasulullah SAW merupakan salah satu amalan yang dituntut pada malam Rejab khususnya pada tiga malam terakhir daripada bulan Rejab (Al-Bayhaqi, 2003: 3531). Berselawat juga mempunyai kaedah yang warid daripada Nabi SAW sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Cara selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

Bil.	Selawat	Terjemahan dan Rujukan
(1)	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَآلِ مُحَمَّدٍ	Ya Allah ya Tuhanku! Berselawatlah ke atas Muhammad dan keluarga Muhammad (Al-Nasa'i, 2001: 1216).
(2)	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ، وَأَزْوَاجِهِ، وَذُرِّيَّتِهِ	Ya Allah ya Tuhanku! Berselawatlah ke atas Muhammad serta isteri dan zuriat Baginda (Al-Nasa'i, 2001: 1218).
(3)	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ	Ya Allah ya Tuhanku! Berselawatlah ke atas Muhammad, iaitu Nabi yang ummi dan kepada keluarga Muhammad (Abu Dawud, 2009: 981).
(4)	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَأَنْزِلْهُ الْمُقْعَدَ الْمُقَرَّبَ عِنْدَكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ	Ya Allah ya Tuhanku! Berselawatlah ke atas Muhammad dan tempatkan Baginda di singgahsana yang hampir dengan-Mu pada hari kiamat (Al-Tabrani, 1994: 91).
(5)	اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ، اللَّهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ	Ya Allah ya Tuhanku! Berselawatlah ke atas Muhammad serta isteri dan zuriatnya sebagaimana Engkau berselawat ke atas keluarga Ibrahim. Berkatilah ke atas Muhammad SAW serta isteri dan zuriatnya sebagaimana Engkau memberkati keluarga Ibrahim. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Mulia (Al-Bukhari, 2001: 3370).

Oleh itu, umat Islam boleh memilih salah satu daripada cara selawat yang mudah untuk mereka untuk menghabiskan selawat 100 kali pada malam Rejab. Pilihan selawat ini adalah mengikut kemampuan mereka masing-masing.

### **Doa**

Banyak berdoa dituntut pada bulan Rejab keseluruhannya. Waktu yang sangat mustajab pula dikhususkan pada satu Rejab sebagai mana pandangan Imam al-Syafi'i (Al-Bayhaqi, 2003: 3438):

قَالَ الشَّافِعِيُّ: «وَبَلَّغْنَا أَنَّهُ كَانَ يُقَالُ إِنَّ الدُّعَاءَ يُسْتَجَابُ فِي خَمْسِ لَيَالٍ فِي لَيْلَةِ الْجُمُعَةِ وَلَيْلَةِ الْأَضْحَى وَلَيْلَةِ الْفِطْرِ وَأَوَّلِ لَيْلَةِ مِنْ رَجَبٍ وَلَيْلَةِ النَّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ.»

*Al-Shafi'i berkata: "Dikatakan sampai kepada kami bahawa doa yang dikabulkan pada lima malam, iaitu malam Jumaat, malam Aidiladha, malam Aidilfitri, malam pertama dari bulan Rejab, malam nisfu Syaaban.*

(Al-Bayhaqi)

Pandangan al-Shafi'i didokong oleh athar berikut (Al-Bayhaqi, 2003: 3440):

عَنِ ابْنِ عُمَرَ، قَالَ: «خَمْسُ لَيَالٍ لَا يُرَدُّ فِيهِنَّ الدُّعَاءُ: لَيْلَةُ الْجُمُعَةِ، وَأَوَّلُ لَيْلَةٍ مِنْ رَجَبٍ، وَلَيْلَةُ التَّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ، وَلَيْلَةُ الْعِيدِ وَلَيْلَةُ النَّحْرِ.»

*Maksud: Ibn 'Umar berkata: Lima malam yang tidak ditolak doa, iaitu malam Jumaat, malam pertama dari bulan Rejab, malam nisfu Syaaban, serta malam hari raya Aidilfitri dan malam hari raya qurban.*

(Al-Bayhaqi)

Doa yang dituntut untuk berdoa ialah semua doa yang baik untuk dunia dan akhirat seseorang mengikut keperluan individu (Jasmi, K. A. & Md Salleh, 2007) dan seperti yang dianjurkan juga oleh hadis Al-Bayhaqi (2003: 3466). Di samping itu terdapat juga doa yang dianjurkan untuk disebutkan sekali dengan doa individu agar mendapat keberkatan dengan kedatangan bulan Rejab, Syaaban, dan Ramadan. Doa tersebut diajarkan oleh Nabi SAW sebagaimana hadis ini (Ahmad, 2001: 2346):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ إِذَا دَخَلَ رَجَبٌ، قَالَ: «اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَارِكْ لَنَا فِي رَمَضَانَ.» وَكَانَ يَقُولُ: «لَيْلَةُ الْجُمُعَةِ غَرَاءُ، وَيَوْمُهَا أَزْهَرُ.»

*Maksud: Anas bin Malik berkata bahawa Nabi SAW apabila memasuki bulan Rejab, maka Baginda SAW berdoa:*

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي رَمَضَانَ

*Erti: "Ya Allah, berkatilah kami di Rejab dan Syaaban dan berkatilah kami di Ramadan)"*  
*Baginda bersabda: "Malam Jumaat adalah mulia dan harinya terang benderang.*

(Ahmad)

Selain berdoa untuk keberkatan kepada ketiga-tiga bulan, memohon untuk dipanjangkan umur agar sampai mengesap bulan Ramadan pada tahun yang sama di samping mendapat keberkatan kepada kedua-dua bulan Rejab dan Syaaban. Hal ini sebagaimana tuntutan hadis berikut (Al-Bazzar, 2009: 6496; Al-Tabrani, 1993: 6496; 1995: 3939; Al-Bayhaqi, 2009: 529; 2003: 3534):

عَنْ أَنَسِ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ: كَانَ إِذَا دَخَلَ رَجَبٌ قَالَ: «اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ.»

*Maksud: Anas bin Malik menceritakan bahawa Nabi SAW apabila memasuki bulan Rejab, maka Baginda mengatakan:*

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ، وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Erti: "Ya Allah, berkatilah kami di Rejab dan Syaaban dan berkatilah kami di Ramadan)."

(Al-Bazzar, al-Tabrani, dan al-Bayhaqi)

Doa ini digalakkan untuk dibaca pada sepanjang bulan Rejab agar diberkati oleh Allah SWT bulan Rejab, Syaaban, dan Ramadan dan agar setiap umat Islam dapat sampai ke bulan Ramadan yang penuh dengan rahmat dan keampunan.

Masa yang paling utama untuk berdoa pada malam hari dan siangya setiap masa dalam bulan Rejab khususnya pada hari pertama, kesepuluh, dan pada tiga hari terakhir daripada bulan Rejab sebagaimana hadis Al-Bayhaqi (2003: 3531) yang lalu. Doa khususnya malam tiga hari terakhir Rejab ini tidak akan ditolak oleh Allah SWT sama sekali terhadap doa yang bukan meminta sesuatu yang maksiat. Syarat utama untuk berdoa ketika ini ialah memulakan dengan amal ibadat, tasbih empat kalimah, selawat, dan istighfar serta akhirnya pada esok harinya dia perlu berpuasa.

### Puasa

Selain berdoa pada malam Rejab, berpuasa pada siangya dituntut dan sunat untuk dilakukan pada sepanjang bulan Rejab (Zakariyya Al-Ansari, t.th.: 1/433; Ibn Hajar, 1983). Rasulullah SAW sendiri dilaporkan pernah berpuasa pada bulan Rejab ini sepertimana hadis berikut (Muslim, t.th.: 1157):

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ حَكِيمٍ الْأَنْصَارِيِّ، قَالَ: سَأَلْتُ سَعِيدَ بْنَ جُبَيْرٍ، عَنْ صَوْمِ رَجَبٍ وَنَحْنُ يَوْمَئِذٍ فِي رَجَبٍ فَقَالَ: سَمِعْتُ ابْنَ عَبَّاسٍ رضي الله عنه، يَقُولُ: «كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَصُومُ حَتَّى نَقُولَ: لَا يُفْطِرُ، وَيُفْطِرُ حَتَّى نَقُولَ: لَا يَصُومُ.»

Maksud: 'Uthman bin Hakim al-Ansari berkata bahawa aku bertanya kepada Sa'id bin Jubair mengenai puasa Rejab, dan ketika itu kami berada pada bulan Rejab. Maka dia pun menjawab: Saya mendengar Ibnu 'Abbas RA berkata: "Dulu Rasulullah SAW pernah berpuasa hingga kami berkata bahawa Baginda tidak akan berbuka. Dan Baginda juga pernah berbuka hingga kami berkata bahawa Baginda tidak akan puasa."

(Muslim)

Hadis ini menunjukkan bahawa pada bulan Rejab, Baginda SAW ada ketikanya berpuasa banyak hari dan ada ketikanya pada tahun lain Baginda hampir tidak berpuasa. Tuntutan puasa khususnya pada hari Isnin dan Khamis pada bulan Rejab. Hal ini sebagaimana hadis berikut (Ahmad, 2001: 21753):

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ، قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم يَصُومُ الْأَيَّامَ يَسْرُدُ حَتَّى يُقَالَ: «لَا يُفْطِرُ، وَيُفْطِرُ الْأَيَّامَ حَتَّى لَا يَكَادَ أَنْ يَصُومَ إِلَّا يَوْمَيْنِ مِنَ الْجُمُعَةِ، إِنْ كَانَ فِي صِيَامِهِ، وَإِلَّا صَامَهُمَا، وَلَمْ يَكُنْ يَصُومُ مِنْ شَهْرٍ مِنَ الشُّهُورِ مَا يَصُومُ مِنْ شَعْبَانَ.» فَقُلْتُ: «يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّكَ تَصُومُ لَا تَكَادُ أَنْ تُفْطِرَ، وَتُفْطِرُ حَتَّى لَا تَكَادَ أَنْ

تَصُومَ إِلَّا يَوْمَيْنِ إِنْ دَخَلَ فِي صِيَامِكَ وَإِلَّا صُمْتَهُمَا. قَالَ: «أَيُّ يَوْمَيْنِ؟» قَالَ: قُلْتُ: «يَوْمَ الْاِثْنَيْنِ، وَيَوْمَ الْخَمِيسِ.»

*Maksud: Usamah bin Zaid berkata bahawa Rasulullah SAW berpuasa beberapa hari berturut-turut, sehingga dikatakan, 'Baginda tidak pernah berbuka.' Dan Baginda juga berbuka beberapa hari hingga hampir Baginda tidak puasa kecuali dua hari dalam seminggu, iaitu dua hari yang biasa Baginda gunakan untuk berpuasa, jika tidak (berpuasa terus menerus), maka Baginda akan berpuasa dua hari itu. Dan tidaklah Baginda banyak berpuasa kecuali pada bulan Syaaban, Aku bertanya: "Wahai Rasulullah, engkau berpuasa seolah-olah engkau tidak pernah berbuka dan engkau berbuka seakan engkau tidak berpuasa kecuali dua hari saja, iaitu Isnin dan Khamis."*

(Ahmad)

Sekalipun puasa digalakkan pada bulan Rejab, namun tidak digalakkan seseorang untuk berpuasa sepenuhnya pada bulan Rejab. Tuntutan tidak berpuasa keseluruhannya sebagaimana hadis (Muslim, t.th.: 2069):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، مَوْلَى أَسْمَاءَ بِنْتِ أَبِي بَكْرٍ، وَكَانَ خَالَ وَلَدِ عَطَاءٍ، قَالَ: «أَرْسَلْتَنِي أَسْمَاءُ إِلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، فَقَالَتْ: بَلَّغْنِي أَنَّكَ تُحَرِّمُ أَشْيَاءَ ثَلَاثَةً: الْعَلَمَ فِي الثَّوْبِ، وَمَيْثَرَةَ الْأَرْجَوَانِ، وَصَوْمَ رَجَبٍ كُلِّهِ.»

*Maksud: Abdullah, iaitu sahaya kepada Asma' binti Abu Bakr dan dia juga adalah bapa saudara anaknya 'Atha berkata: "Asma' binti Abu Bakar pernah menyuruh saya untuk menemui Abdullah bin Umar agar menyampaikan pesannya yang berbunyi: "Telah sampai kepada saya bahawasanya, engkau mengharamkan tiga hal, iaitu pakaian yang terbuat dari campuran sutera, pelana sutera yang berwarna merah tua, dan berpuasa pada bulan Rejab seluruhnya."*

(Muslim)

Sekalipun hadis ini tidak menggalakkan untuk berpuasa pada keseluruhan Rejab, namun puasa keseluruhan Rejab atau sepanjang setahun bagi Mazhab al-Shafi'i dibenarkan selagi tidak memudaratkan dan selagi tidak sampai hak orang lain tidak dapat dipenuhi. Sekiranya berlaku demikian hukumnya adalah makruh. Oleh itu, seseorang yang berpuasa pada seluruh Rejab dibenarkan dalam Mazhab al-Shafi'i (Al-Shirazi, t.th.: 3/176), namun puasa yang terbaik bagi orang yang ingin banyak berpuasa ialah puasa Nabi Dawud, iaitu sehari berpuasa dan sehari berbuka (Zakariyya Al-Ansari, t.th.: 1/432). Keutamaan puasa sunat pada bulan Rejab boleh dilihat dalam hadis ini (Al-Bayhaqi, 1990: 8):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، يَقُولُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنَّ فِي الْجَنَّةِ نَهْرًا يُقَالُ لَهُ: رَجَبٌ، أَشَدُّ بَيَاضًا مِنَ اللَّبَنِ وَأَحْلَى مِنَ الْعَسَلِ، مَنْ صَامَ مِنْ رَجَبٍ يَوْمًا سَقَاهُ اللَّهُ مِنْ ذَلِكَ النَّهْرِ.»

Maksud: Anas bin Malik berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Sesungguhnya dalam syurga terdapat satu sungai yang dipanggil Rejab. Sungai ini lebih putih daripada susu dan lebih manis daripada madu. Sesiapa yang berpuasa sehari daripada bulan Rejab Allah SWT akan memberi minumannya daripada sungai ini.”

(Al-Bayhaqi)

Selain ganjaran sungai Rejab bagi seseorang yang berpuasa sehari, terdapat juga hadis lain yang menjelaskan lagi kelebihan berpuasa sehari, tujuh hari, lapan hari, sepuluh hari, dan 15 hari. Hal ini sebagaimana hadis berikut (Al-Tabrani, 1994: 5538):

عَنْ عُثْمَانَ: وَكَانَتْ لِأَبِيهِ صُحْبَةٌ - قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: « رَجَبٌ شَهْرٌ عَظِيمٌ، يُضَاعَفُ اللَّهُ فِيهِ الْحَسَنَاتِ، فَمَنْ صَامَ يَوْمًا مِنْ رَجَبٍ فَكَأَنَّمَا صَامَ سَنَةً، وَمَنْ صَامَ مِنْهُ سَبْعَةَ أَيَّامٍ غُلِّقَتْ عَنْهُ سَبْعَةُ أَبْوَابِ جَهَنَّمَ، وَمَنْ صَامَ مِنْهُ ثَمَانِيَةَ أَيَّامٍ فَتُحِتَ لَهُ ثَمَانِيَةُ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ، وَمَنْ صَامَ مِنْهُ عَشْرَةَ أَيَّامٍ لَمْ يَسْأَلِ اللَّهَ شَيْئًا إِلَّا أَعْطَاهُ إِيَّاهُ، وَمَنْ صَامَ مِنْهُ خَمْسَةَ عَشَرَ يَوْمًا نَادَى مُنَادٍ فِي السَّمَاءِ قَدْ غُفِرَ لَكَ مَا مَضَى فَاسْتَتْنِفِ الْعَمَلَ، وَمَنْ زَادَ زَادَهُ اللَّهُ.»

Maksud: Uthman RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Rejab merupakan bulan agung. Allah SWT melipat gandakan kebajikan dalamnya. Sesiapa yang berpuasa sehari daripada bulan Rejab, maka seolah-olah dia berpuasa setahun. Sesiapa yang berpuasa Rejab tujuh hari, maka tujuh pintu neraka akan ditutup daripadanya. Sesiapa yang berpuasa lapan hari daripada Rejab, maka akan dibuka untuknya lapan pintu syurga. Sesiapa yang berpuasa sepuluh hari daripada Rejab, maka sudah pasti apa sahaja yang dimintanya akan diperkenankan. Sesiapa yang berpuasa 15 hari daripada bulan Rejab, maka akan menyeru penyeru daripada langit yang mengatakan: “Sesungguhnya diampunkan dosamu yang lalu. Oleh itu, teruskan beramal kerana sesiapa yang menambahkan amal, Allah SWT akan menambahkan untuknya ganjaran.

(Al-Tabrani)

Terdapat juga athar tabi'in yang menyatakan bahawa Allah SWT membina satu istana bagi orang yang rajin berpuasa pada bulan Rejab. (Al-Bayhaqi, 2003: 3521):

عَنْ أَبِي قِلَابَةَ قَالَ: «فِي الْجَنَّةِ قَصْرٌ لِصَوَامِ رَجَبٍ.»

Maksud: Abu Qilabah berkata: “Di dalam syurga terdapat istana yang dibina untuk orang rajin berpuasa Rejab.”

(Al-Bayhaqi)

Imam Ahmad mengatakan bahawa walaupun athar ini merupakan athar daripada tabi'in, iaitu Abi Qilabah, namun dapat dipastikan apa yang diucapkannya adalah daripada sumber wahyu.

Ringkasnya, seseorang Muslim boleh memilih untuk berpuasa mengikut kemampuan mereka masing-masing, iaitu sama ada berpuasa sebulan dalam bulan Rejab, puasa selang sehari, puasa Isnin dan Khamis, puasa pada satu Rejab, 10 Rejab, dan puasa pada tiga hari terakhir daripada bulan Rejab.

### **Kenduri**

Menyembelih kambing dan memberi makan kepada orang ramai pada bulan Rejab adalah dibenarkan dalam Islam. Sekalipun amalan ini pada asalnya adalah diamalkan atas tujuan yang berlainan dalam zaman jahiliah. Pada asalnya kaum jahiliah yang berpuasa pada sepuluh hari pertama bulan Rejab akan menyembelih kambing dengan sembelihan ditujukan kepada tuhan berhala. Menyembelih dengan tujuan selain Allah SWT ini yang merupakan perkara yang sangat dilarang dalam Islam dan boleh menjatuhkan iman (Jasmi, A. K. & Tamuri, 2011).

Namun begitu amalan memberi makan kepada orang ramai kerana Allah SWT adalah baik untuk diamalkan bahkan hal ini dituntut dalam agama bagi membantu orang yang susah dan menghubungkan silaturahim antara umat Islam (Jasmi, K. A., 2002; Jasmi, K. A. *et al.*, 2004, 2006; Jasmi, K. A., 2007; Jasmi, K. A. *et al.*, 2007). Hal menyembelih binatang pada bulan Rejab semasa jahiliah yang dikatakan bertentangan dengan akidah Islam ini boleh dilihat daripada hadis berikut (Al-Bukhari, 2001: 5474):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَا فَرَعٌ وَلَا عَتِيرَةٌ» وَالْفَرَعُ: أَوَّلُ التَّنَاجِ، كَانُوا يَذْبَحُونَهُ لَطَوَاعِيَّتِهِمْ، وَالْعَتِيرَةُ فِي رَجَبٍ.»

*Maksud: Abu Hurayrah menceritakan bahawa Nabi SAW bersabda: "Tidak ada fara' dan 'Atirah." Baginda lalu menjelaskan: "Fara' adalah anak pertama seekor unta yang mereka sembelih untuk sembahsan (tuhan) mereka dan 'Atirah adalah haiwan (kambing) yang mereka sembelih pada bulan Rejab."*

Hadis lain menjelaskan (Ibn Al-Ja'd, 1990: 3237):

عَنِ الْحَسَنِ قَالَ: «لَيْسَ فِي الْإِسْلَامِ عَتِيرَةٌ، إِنَّمَا كَانَ ذَلِكَ فِي الْجَاهِلِيَّةِ كَانَ أَحَدُهُمْ إِذَا صَامَ رَجَبَ ذَبَحَ عَتِيرَةً.»

*Maksud: Al-Hasan berkata: "Tidak terdapat 'Atirah dalam Islam, amalan tersebut hanya ada pada zaman jahiliah, iaitu apabila salah seorang berpuasa pada bulan Rejab, dia akan menyembelih kambing."*

*(Ibn al-Ja'd)*

Hadis ini diperjelaskan lagi dengan hadis yang lain (Abu Dawud, 2009: 2833):

عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: «أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ كُلِّ خَمْسِينَ شَاءَ شَاءً» قَالَ أَبُو دَاوُدَ: «قَالَ بَعْضُهُمْ: الْفَرَعُ أَوَّلُ مَا تُنْتَبِجُ الْإِبِلُ كَانُوا يَذْبَحُونَهُ لَطَوَاعِيَّتِهِمْ، ثُمَّ يَأْكُلُونَهُ وَيُلْقَى جِلْدُهُ عَلَى الشَّجَرِ. وَالْعَتِيرَةُ: فِي الْعَشْرِ الْأَوَّلِ مِنْ رَجَبٍ.»



*Maksud: 'A'ishah berkata bahawa Rasulullah SAW memerintahkan kami untuk dikeluarkan zakat dari setiap lima puluh kambing satu ekor kambing. Abu Daud berkata; sebahagian mereka mengatakan: "Fara' adalah anak unta yang pertama, dahulu mereka menyembelihnya untuk para berhala mereka, kemudian mereka memakannya, dan kulitnya dilemparkan ke pohon, sedangkan 'Atirah pula sembelihan kambing pada sepuluh hari pertama pada Bulan Rejab."*

(Abu Dawud)

Walaupun hadis Al-Bukhari (2001: 5474) yang lalu menunjukkan larangan untuk perbuatan 'Atirah, namun hadis ini ditafsirkan oleh Imam al-Shafi'i seperti yang disebut oleh Al-Muzanni (1986: 412) bahawa Al-Shafi'i berkata: "Al-'Atirah ialah sembelihan yang dinisbahkan kepada bulan Rejab, iaitu sembelihan dalam kalangan orang Jahiliah dengan tujuan berkebakikan dalam bulan tersebut." Nabi SAW bersabda: "Tiada ada 'Atirah" membawa makna tiada 'Atirah yang diwajibkan. Manakala sabdaan Baginda ketika ditanya tentang 'Atirah: "Sembelihlah untuk Allah SWT pada sebarang bulan yang boleh dan berkebakikanlah kerana Allah SWT dan berilah makan." Kenyataan ini membawa maksud: "Sembelihlah mengikut apa yang kamu suka dan jadikanlah sembelihan untuk Allah dan bukan untuk yang lain dalam mana-mana bulan sekalipun dan bukan kerana bulan Rejab dan tanpa mengeneipikan bulan yang lain."

Kebenaran kepada amalan 'Atirah terbukti daripada hadis lain yang menjelaskan kebenaran perbuatan 'Atirah tersebut seperti mana sepertimana hadis ini (Ahmad, 2001: 16202):

عَنْ أَبِي رَزِينٍ أَنَّهُ قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّا كُنَّا نَذْبِخُ فِي رَجَبٍ ذَبَائِحَ، فَتَأْكُلُ مِنْهَا وَنُطْعِمُ مِنْهَا، مَنْ جَاءَنَا، قَالَ: فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: " لَا بَأْسَ بِذَلِكَ " قَالَ: فَقَالَ وَكَيْعٌ: " فَلَا أَدْعُهَا أَبَدًا. "

*Maksud: Abu Razin berkata: "Wahai Rasulullah, kami biasa menyembelih pada bulan Rejab, kami memakannya dan memberikannya kepada yang datang kepada kami," (Abu Razin) berkata: Lalu (Rasulullah SAW) bersabda: "Itu tidaklah mengapa" (Abu 'Awanah) berkata: Maka Waqi' berkata: Sejak dari itu aku tidak pernah meninggalkan kebiasaan tersebut."*

(Ahmad)

Hadis ini sekalipun isnadnya dianggap daif, namun hadis ini disokong pula dengan hadis yang lain dengan isnad isnad Jayyid daripada jalur perawi yang lain seperti berikut pula (Al-Nasa'i, 1986: 4233; Al-Darimi, 2000: 2008):

عَنْ أَبِي رَزِينِ الْعُقَيْلِيِّ لَقِيَطِ بْنِ عَامِرٍ قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّا كُنَّا نَذْبِخُ فِي رَجَبٍ، فَمَا تَرَى؟ قَالَ: «لَا بَأْسَ بِذَلِكَ»، قَالَ وَكَيْعٌ: «لَا أَدْعُهَا أَبَدًا»

*Maksud: Abu Razin Laqith bin 'Amir al-Uqali berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya dahulu kami menyembelih sembelihan pada zaman jahiliah pada bulan Rejab, kemudian kami makan dan memberi makan orang yang datang kepada kami. Kemudian Rasulullah*

SAW bersabda: “Hal tersebut tidak mengapa.” Waki’ berkata: “Sejak itu selama-lamanya saya tidak meninggalkannya.”

(Al-Nasa’i dan al-Darimi)

Hadis yang lebih kuat juga membenarkan penyembelihan kambing pada bulan Rejab sebagaimana hadis berikut (Abu Dawud, 2009: 2830; Ibn Majah, 2009: 3167; Al-Nasa’i, 1986: 4230; Ahmad, 2001: 20729):

عَنْ نُبَيْشَةَ قَالَ رَجُلٌ مِنْ هُدَيْلٍ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ: «إِنِّي كُنْتُ نَهَيْتُكُمْ عَنْ لُحُومِ الْأَصْحَابِيِّ فَوْقَ ثَلَاثِ كَيْمَا تَسَعَكُمْ، فَقَدْ جَاءَ اللَّهُ بِالْحَتِيرِ، فَكُلُوا، وَادَّخِرُوا، وَاتَّجِرُوا، وَإِنَّ هَذِهِ الْأَيَّامَ أَيَّامُ أَكْلِ، وَشُرْبِ، وَذِكْرِ لِلَّهِ.» فَقَالَ رَجُلٌ: «يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّا كُنَّا نَعْتِزُّ عَتِيرَةَ فِي الْجَاهِلِيَّةِ فِي رَجَبٍ، فَمَا تَأْمُرُنَا؟» فَقَالَ: «ادَّبُوا لِلَّهِ فِي أَيِّ شَهْرٍ مَا كَانَ، وَبَرُّوا اللَّهَ وَأَطِعُوا.» فَقَالَ رَجُلٌ آخَرٌ: «يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّا كُنَّا نُفَرِّغُ فَرَعًا فِي الْجَاهِلِيَّةِ، فَمَا تَأْمُرُنَا؟» قَالَ: فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «فِي كُلِّ سَائِمَةٍ مِنَ الْعَنَمِ فَرَعٌ، تَعْدُوهُ عَنَمُكَ، حَتَّى إِذَا اسْتَحْمَلَ دَبْحَتَهُ، فَتَصَدَّقْتَ بِلَحِيهِ، عَلَى ابْنِ السَّبِيلِ، فَإِنَّ ذَلِكَ هُوَ خَيْرٌ.»

Maksud: Nubaishah berkata bahawa seorang lelaki dari Hudzail dari sahabat Nabi SAW menceritakan bahawa Baginda SAW bersabda: “Sesungguhnya saya pernah melarang dari menyimpan daging korban lebih dari tiga hari, agar boleh bagi kamu maka Allah SWT datang dengan kebaikan, makan dan bersedekahlah serta simpanlah. Dan sesungguhnya hari ini adalah hari makan dan minum serta berzikir kepada Allah SWT pada bulan apa saja. Berbuat baik kepada Allah SWT dan berilah makan.” Kemudian seorang lelaki berkata: “Wahai Rasulullah!, Dahulu kami menyembelih anak haiwan yang pertama pada masa jahiliah, maka apakah yang anda perintahkan kepada kami? Rasulullah SAW bersabda: “Dalam setiap kambing yang berumur lebih dari satu tahun terdapat anak pertama yang disembelih yang diberi makan oleh kambingmu hingga apabila telah siap untuk hamil maka engkau menyembelihnya dan menyedekahkan dagingnya untuk orang yang di perjalanan. maka hal tersebut adalah baik.

(Abu Dawud, Ibn Majah, al-Nasa’i, dan Ahmad)

Berdasarkan hadis ini jelas bahawa amalan yang baik daripada zaman jahiliah, iaitu menyembelih binatang untuk diberi makan kepada orang ramai adalah satu amal kebajikan dan boleh diteruskan dalam Islam sekalipun dalam bulan Rejab. Kenyataan ini terbukti daripada dalil hadis berikut (Ahmad, 2001: 6713):

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، قَالَ سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ عَنِ الْفَرَعِ؟ قَالَ: " وَالْفَرَعُ حَقٌّ، وَأَنْ تَتْرُكَهُ حَتَّى يَكُونَ شُغْرُبًا أَوْ شُغْرُوبًا ابْنِ مَخَاضٍ أَوْ ابْنِ

لَبُونِ، فَتَحْمِلَ عَلَيْهِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، أَوْ تُعْطِيَهُ أَرْمَلَةً، خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَذْبَحَهُ يَلْصَقُ لَحْمَهُ  
 بِوَبْرِهِ، وَتُكْفَىٰ إِثْمًا، وَتُولَىٰ نَاقَتَكَ، " وَقَالَ: وَسُئِلَ عَنِ الْعَتِيرَةِ؟ فَقَالَ: " الْعَتِيرَةُ حَقٌّ  
 " قَالَ: بَعْضُ الْقَوْمِ لِعَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ: مَا الْعَتِيرَةُ؟ قَالَ: " كَانُوا يَذْبَحُونَ فِي رَجَبٍ شَاةً  
 فَيَطْبُخُونَ وَيَأْكُلُونَ وَيُطْعَمُونَ. »

*Maksud: 'Amru bin Syu'aib dari bapaknya dari datuknya katanya bahawa Rasulullah SAW ditanya tentang al-Fara' (anak unta yang baru lahir). Baginda menjawab: "Al-Fara' adalah haq (boleh untuk disembelih), namun jika kamu membiarkannya sehingga dagingnya keras, atau seperti unta yang berumur dua atau tiga tahun, kemudian kamu bawa ke jalan Allah, atau kamu berikan kepada seorang janda adalah lebih baik daripada kamu sembelih sehingga dagingnya masih menempel dengan kulit, bekasmu jadi penuh dan induk unta tersebut menjadi sedih kerananya. Dia berkata: Rasulullah SAW juga ditanya tentang al-'Atirah (kambing yang disembelih pada bulan Rejab). Maka Baginda menjawab: "Al-'Atirah adalah haq." Sebahagian kaum bertanya kepada 'Amru bin Syu'aib: "Apa yang dimaksudkan dengan al-'Atirah?", iaitu mereka pada bulan Rejab menyembelih seekor kambing, kemudian mereka masak dan memakannya. Selain itu, kambing itu juga diberikan kepada orang lain." Jawabnya. "*

(Ahmad)

Berdasarkan kenyataan ini, seseorang boleh membuat kenduri dengan menyembelih binatang untuk memberi makan kepada orang ramai dengan tidak menentukan bahawa sembelihan itu mesti dilakukan pada bulan Rejab dan apa yang lebih penting sembelihan itu dengan menyebut nama Allah SWT dan semata-mata untuk keredaan-Nya. Daging sembelihan pula adalah semata-mata untuk mengamalkan ajaran Islam yang menggalakkan umatnya memberi makan makanan kepada orang ramai.

## RUMUSAN

Terbukti bahawa bulan Rejab merupakan bulan haram yang merupakan bulan Allah SWT. Selaku hambanya, umat Islam wajar membesarkan bulan ini dengan amalan yang dianjurkan dalam Islam untuk membesarkan bulan ini. Bulan Rejab ini memiliki keistimewaan yang besar pada seluruh hari pada bulan ini khususnya pada satu Rejab, sepuluh Rejab, dan tiga hari terakhir daripada bulan ini. Bulan ini juga amat digalakkan untuk dihidupkan dengan amalan qiamullail, zikir, doa, puasa, dan membuat kenduri untuk memberi makan kepada orang ramai. Justeru, selaku hamba yang taat dan sebagai persediaan untuk menuju kepada bulan Ramadan, maka wajar bulan ini dihidupkan dengan amalan yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW.

## RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud* (Shu'aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali Eds. Vol. 1-7). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ahmad, Hambal. (2001). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal* (Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid Eds.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (1990). *Fada'il al-Awqat* ('Adnan 'Abd al-Rahman Majad Al-Qaysi Ed.). Makkah al-Mukarramah: Maktabah al-Manarah.

- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2003). *Sha'b al-Iman* ('Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid Ed. Vol. 1-14). Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2009). *Al-Da'awat al-Kabir* ('Abd al-Mu'ti Amin Qal'aji Ed. Vol. 1-2). Al-Kuwait: Gurras li Naskhah al-Kamilah.
- Al-Bazzar, Ahmad. (2009). *Musnad al-Bazzar* (Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq Eds. Vol. 1-18). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulallah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Darimi, Abu Muhammad Abdullah. (2000). *Sunan al-Darimi* (Hussain Salim Asad Al-Darani Ed. Vol. 1-4). Al-Mamlakat al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah: Dar al-Mugni li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Hakim, Abu 'Abdullah Muhammad. (1990). *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihayn* (Mustafa 'Abd al-Qadir Al-'Ata Ed. Vol. 1-4). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Muzanni, Muhammad Idris. (1986). *Al-Sunan al-Ma'thurah li al-Shafi'i* ('Abd al-Mu'ti Amin Qal'aji Ed.). Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Nasa'i, Ahmad. (1986). *Al-Mujtabi min al-Sunan* ('Abd al-Fattah Abu Gadat Ed. Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nasa'i, Ahmad. (2001). *Al-Sunan al-Kubra* (Hasan 'Abd al-Man'am Shilbi Ed. Vol. 1-10). Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Nawawi, Mahyuddin. (1972). *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hajjaj* (Vol. 1-18). Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Shajari, Yahya al-Murshid Billah. (2001). *Tartib al-Amali al-Khamisiyyah li al-Shajari* (Muhammad Hasan Muhammad Hasan Isma'il Ed. Vol. 1-2). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Shirazi, Abu Ishaq Ibrahim. (t.th.). *Al-Mahadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Shafi'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Suyuti, Abdul Rahman. (t.th.). *Misbah al-Zujajah*. T. T. P.: Qadimay Kutub Khanah
- Al-Tabari, Muhammad. (2001). *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran* ('Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy Ed. Vol. 1-24). Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1993). *Al-Dua' li al-Tabrani*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1994). *Al-Mu'jam al-Kabir* (Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi Ed. Vol. 1-25). Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1995). *Al-Mu'jam al-Ausat* ('Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad Ed. Vol. 1-10). Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Ibn Al-Ja'd, 'Ali. (1990). *Musnad Ibn al-Ja'd* ('Amir Ahmad Haydar Ed.). Beirut: Mu'assasah Nadir.
- Ibn Hajar, Ahmad Muhammad. (1983). *Tuhfat al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj* (Lujnah min 'Ulama' Ed.). Misr: Al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah* (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali & 'Abd al-Latif Hirzullah Eds. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.

- Jasmi, Azmi Kamarul, & Tamuri, Halim Ab. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2007). *Pembaharuan dalam Dunia Islam*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Jasmi, Mohd Aris. (2016). *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Muhammad, Azhar, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2004). *Asas Kebahagiaan Rumahtangga Mengikut Paradigma al-Nawawi*. Paper presented at the Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004, Main Hall, University of Malaya Centre for Family Development (UMCFD) Faculty of Education, Universiti Malaya. [http://eprints.utm.my/20790/1/JasmiKA2004\\_AsasKebahagiaanRumahtanggaMengikutParadigmaal-Nawawi.pdf](http://eprints.utm.my/20790/1/JasmiKA2004_AsasKebahagiaanRumahtanggaMengikutParadigmaal-Nawawi.pdf)
- Jasmi, Kamarul Azmi, Muhammad, Azhar, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2006). Asas Kebahagiaan Rumahtangga Mengikut Paradigma al-Nawawi. In Abd. Rahim Abd. Rashid, Sufean Hussin & Jamaludin Tubah (Eds.), *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru* (pp. 180-196). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Suratman, Azmi Shah, & Nor Muhamad, Nasrul Hisyam. (2007, 2-3 Februari 2007). *Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif al-Imam al-Nawawi*. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Peradaban Melayu Ke-3, Sunway Lagoon Resort Hotel, Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan*. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar*. (Ed.) (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Zakariyya Al-Ansari, Muhammad. (t.th.). *Asna al-Matalib fi Sharh Raudh al-Talib* (Muhammad Muhammad Tamir Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.